



## KORPORASI PEMBANGUNAN DESA KENYATAAN TAWARAN

Tawaran adalah dipelawa kepada syarikat-syarikat tempatan yang mempunyai Lesen Perniagaan yang sah dan berdaftar dengan Pusat Pendaftaran Kontraktor Kerja, Bekalan dan Perkhidmatan Negeri Sabah ( PUKONSA ) dalam kod yang disebutkan dibawah dan yang masih dibenarkan membuat tawaran tender seperti berikut:

NO. TAWARAN	TAJUK TENDER	KOD BIDANG PENDAFTARAN	TEMPAT DOKUMEN DIJUAL
KPD/T/2024/01	Pembinaan dua (2) buah kandang ayam jenis terbuka berukuran 200 kaki x 30 kaki berkapasiti 5000 ekor setiap kandang di KPD Kelatuan, Papar.	i. PUKONSA: Kelas D Tajuk: I, Tajuk Kecil: 1; Tajuk: II, Tajuk Kecil: 2(a) ii. CIDB: Gred G3 Kategori: B, Pengkhususan: B04; Kategori: CE, Pengkhususan: CE21; iii. Lesen niaga yang masih sah; dan iv. Memiliki Perakuan Pendaftaran CIDB yang masih sah.	Bahagian Perolehan & Harta, Ibu Pejabat Korporasi Pembangunan Desa, Aras 2, Wisma Pertanian Sabah, Jalan Wisma Pertanian, 88300 Kota Kinabalu.  Tel : 088-291352
KPD/T/2024/02	Pembinaan satu (1) buah kandang ayam jenis terbuka berukuran 200 kaki x 30 kaki berkapasiti 5000 ekor di KPD Timbang Batu, Kota Marudu.	i. PUKONSA: Kelas E Tajuk: I, Tajuk Kecil: 1 atau; Tajuk: II, Tajuk Kecil: 3 atau 9 ii. CIDB: Gred G2 Kategori: B, Pengkhususan: B04; Kategori: CE, Pengkhususan: CE21; iii. Lesen niaga yang masih sah; dan iv. Memiliki Perakuan Pendaftaran CIDB yang masih sah.	
KPD/T/2024/03	Pembinaan pejabat dan asrama di Projek Trusan Sapi, Beluran	i. PUKONSA: Kelas E Tajuk: I, Tajuk Kecil: 1 atau; Tajuk: II, Tajuk Kecil: 2(a); Tajuk: VII, Tajuk Kecil: 1 ii. CIDB: Gred G2 Kategori: B, Pengkhususan: B04; Kategori: CE, Pengkhususan: CE21; iii. Lesen niaga yang masih sah; dan iv. Memiliki Perakuan Pendaftaran CIDB yang masih sah.	

1.0 Taklimat dan lawatan tapak akan diadakan bagi setiap penender yang menyertai tawaran ini seperti ketetapan berikut:

TEMPAT BERTUMPUL	TARIKH	MASA	PEGAWAI DIHUBUNGI
Pejabat Projek KPD Kelatuan, Papar (No. Tawaran Tender: KPD/T/2024/01)	29 April 2024 (Isnin)	10.00 pagi	Puan Nurul Fahthin 010-3559191
Pejabat Projek KPD Timbang Batu, Kota Marudu (No. Tawaran Tender: KPD/T/2024/02)	30 April 2024 (Selasa)	11.00 pagi	Puan Norilah 013-8115610
Pejabat Projek Skim Tanaman Padi KPD Trusan Sapi, Beluran (No. Tawaran Tender: KPD/T/2024/03)	03 Mei 2024 (Jumaat)	11.00 pagi	Encik Mohd Zaliikh 010-2480811

Nota : Sila bawa cop syarikat untuk memudahkan urusan pendaftaran semasa taklimat dijalankan.

2.0 Tarikh dan Masa Penjualan Dokumen : **06 Mei 2024 (Isnin) – 27 Mei 2024 (Isnin)**

8.00 pagi hingga 12.30 tengahari (Isnin – Khamis)  
8.00 pagi hingga 11.30 pagi (Jumaat)

3.0 Harga Dokumen : **RM50.00** (Pembayaran boleh dibuat dalam bentuk Wang Tunai/Kiriman Wang (Money Order)/Bank Draf/Wang Pos atas nama Korporasi Pembangunan Desa. **Cek tidak diterima.**

4.0 Tarikh Tutup Tawaran : **27 Mei 2024 (Isnin), Pukul 10.00 pagi.** Dokumen tender yang diterima lewat tidak akan dipertimbangkan.

**5.0** Semua maklumat yang dikehendaki dalam Dokumen Tender hendaklah diisi dengan lengkap dan jelas. Korporasi Pembangunan Desa berhak menolak mana-mana dokumen tender yang tidak mengemukakan maklumat yang diperlukan. Korporasi Pembangunan Desa juga tidak bertanggungjawab jika maklumat yang dinyatakan tidak jelas/tidak boleh dibaca yang mana menyebabkan penender gagal mendapat tawaran. Dokumen Tender yang telah lengkap diisi beserta salinan sijil-sijil/lesen dan dokumen sokongan hendaklah dimasukkan ke dalam sampul surat **berlakri** dengan mencatatkan Tajuk dan No. Tawaran di penjuru kiri sudut atas sampul surat dan dialamatkan kepada :

Setiausaha Jawatankuasa Tender  
Korporasi Pembangunan Desa  
Aras 2, Wisma Pertanian Sabah,  
Jalan Wisma Pertanian, Luyang,  
88300 KOTA KINABALU.

**6.0** Dokumen tender hendaklah dimasukkan ke dalam Peti Tawaran di alamat seperti berikut:

Korporasi Pembangunan Desa  
Aras 2, Wisma Pertanian Sabah,  
Jalan Wisma Pertanian, Luyang,  
88300 KOTA KINABALU.

**7.0** Para Pembekal/Penender **WAJIB** menunjukkan **SIJIL ASAL PENDAFTARAN PUKONSA, Sijil CIDB, Lesen Perniagaan yang masih sah** dan **SIJIL TARAF BUMIPUTRA** (jika ada) serta menyerahkan satu salinan (fotostat) sijil-sijil/lesen berkenaan semasa membeli dokumen tawaran.

**8.0** Korporasi Pembangunan Desa (KPD) tidak terikat untuk menerima tawaran yang terendah atau mana-mana tawaran.

**PENGURUS BESAR  
KORPORASI PEMBANGUNAN DESA**